

**Perlu lebih telus selesai cabaran baharu keselamatan  
Utusan Online  
18 April, 2012**

KUALA LUMPUR 17 April - Negara-negara di dunia perlu lebih telus dalam berhadapan dan menyelesaikan masalah mengenai cabaran baharu dalam aspek keselamatan yang kini bukan lagi berbentuk tradisional.

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi berkata, semua cabaran baharu itu terutama pemerdagangan orang, keganasan, penyeludupan dadah dan percambahan senjata nuklear tidak dapat diselesaikan secara berasingan atau melalui struktur keselamatan yang lama.

"Oleh itu, hubungan multilateralisme antara negara-negara memainkan peranan penting dalam mengetengahkan cabaran-cabaran itu.

"Maka, amat sesuai perkara ini diperbincangkan di Forum Putrajaya tahun ini," katanya ketika berucap merasmikan Forum Putrajaya 2012 di sini hari ini.

Pelancaran forum dengan tema *Memperkukuhkan Multilateralisme Untuk Keselamatan dan Pertahanan Serantau* itu diadakan sempena Pameran Perkhidmatan Pertahanan Asia (DSA) 2012 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) bermula semalam sehingga 19 April ini.

Ahmad Zahid berkata, beliau percaya konflik fizikal antara negara seperti pencerobohan, keganasan dan peperangan bukan lagi pilihan di rantau ini atau di bahagian lain di dunia dalam abad ke-21.

"Oleh itu, hubungan multilateral pada peringkat yang berlainan seperti pertahanan, ekonomi, keselamatan negara dan yang terbaharu bantuan kemanusiaan telah memanfaatkan kita semua termasuk membawa keamanan, kestabilan dan membina keyakinan.

"Malaysia dan negara ASEAN yang lain percaya kepada perkara ini," katanya.

Menurutnya, pelbagai platform diwujudkan seperti penganjuran Mesyuarat Menteri-Menteri Pertahanan ASEAN dan Pusat Menangani Keganasan Bagi Rantau Asia Tenggara (SEARCC) yang mana isu-isu sensitif di antara negara ASEAN atau bukan ahlinya berjaya diselesaikan dengan penuh ketelusan.

Katanya, daripada usaha seperti yang dilakukan ASEAN, isu-isu kepentingan negara ahli telah menjadi kepentingan bersama dan tugas organisasi itu kini adalah memperbaiki hubungan multilateral sedia ada bagi mencapai matlamatnya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0418&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Muka\\_Hadapan&pg=mh\\_04.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0418&pub=Utusan_Malaysia&sec=Muka_Hadapan&pg=mh_04.htm)